

Perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran kenabian dan kerasulan mereka.

6. Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian _____.
- A ismah rasul
 - B mukjizat
 - C sihir
 - D karamah
7. Berikut adalah hikmah rasul dipilih dalam kalangan manusia **kecuali**;
- A Rasul dapat menunjukkan contoh ikutan yang sempurna
 - B Menjadi ujian kepada manusia sama ada menerima kebenaran rasul atau tidak
 - C Menunjukkan kemuliaan manusia yang dipilih menjadi khalifah di muka bumi
 - D Menyukarkan manusia untuk beriman apabila rasul dikurniakan mukjizat
8. Apakah maksud rasul ululazmi?
- A Rasul yang mempunyai kecekalan menghadapi ujian
 - B Rasul terhindar daripada melakukan dosa
 - C Rasul dari kalangan bani Israel
 - D Rasul yang diberi mukjizat yang banyak
9. Maksud Ismah Al rasul dari segi bahasa ialah
- A terpilih melakukan kebaikan
 - B kecekalan hati menghadapi ujian
 - C terpelihara dari sesuatu keburukan
 - D keistimewaan yang melemahkan
10. Pilih pasangan nabi dan mukjizat yang betul dari pernyataan di bawah
- A Nabi Sulaiman – unta yang sempurna sifat keluar dari batu
 - B Nabi Soleh – memerintah angin yang membawa baginda ke tempat jauh
 - C Nabi Isa – menghidupkan burung yang diperbuat dari tanah setelah meniupnya
 - D Nabi Daud – Tongkat baginda bertukar menjadi ular kemudia menelan ular jelmaan tukang sihir
11. Berikut adalah contoh kecekalan nabi Musa kecuali
- A Berlawan dengan tukang sihir Firaun
 - B Berhadapan dengan Firaun iaitu pemerintah Mesir yang zalim
 - C Berhijrah ke Palestin bersama kaum Bani Israil yang degil dan ingkar
 - D Ditentang oleh Yahudi sehingga mereka membuat konspirasi untuk membunuh baginda
12. Berikut ialah rasul-rasul Ulul Azmi kecuali
- A Nabi Ibrahim
 - B Nabi Nuh
 - C Nabi Isa
 - D Nabi Harun